
Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Pendawaian Elektrik

Nor Azrizal Bin Norazmi¹, Sarah Binti Jewahid², Izwan Bin Che Sham³

^{1,2,3}*Department of Electrical Engineering, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin*

E-mail: norazrizal@ptss.edu.my, sarahjewahid@ptss.edu.my, izwan@ptss.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan minat, sikap dengan pencapaian pelajar dalam kursus pendawaian elektrik di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan data bagi mengukur minat serta sikap pelajar. Manakala, keputusan akhir peperiksaan akhir sesi 1 2024/2025 akan digunakan bagi mengukur pencapaian pelajar dalam kursus pendawaian elektrik. Seramai 46 orang pelajar semester 1, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, PTSS terlibat sebagai responden di dalam kajian ini. Kesemua data yang diperolehi diproses menggunakan perisian *Statistical Package for the social science (SPSS)* bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai dan pekali korelasi. Manakala, nilai frekuensi dan peratusan digunakan bagi mengukur pencapaian pelajar. Dapatan kajian mendapati pencapaian pelajar dalam kursus pendawaian elektrik bagi sesi 1 2024/2024 berada pada tahap cemerlang. Data min bagi minat dan sikap pelajar juga berada pada tahap tinggi dengan kursus pendawaian elektrik. Menurut data korelasi pearson, faktor minat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar bagi kursus pendawaian elektrik dan faktor sikap juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh pensyarah secara kreatif mampu meningkatkan minat serta motivasi pelajar untuk membentuk sikap yang baik seiring dengan pencapaian yang cemerlang.

Kata kunci: *minat, sikap dan pencapaian pelajar*
